

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
JALAN HOSE, KUALA LUMPUR
SEMPENA PERASMIAN RUMAH PUSPANITA,
12 JANUARI 1994

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita hadir bersama-sama pada petang ini untuk merasmikan pembukaan rumah baru PUSPANITA.

2. Selaku Penaung PUSPANITA, saya berasa amat bangga kerana PUSPANITA telah berjaya membina rumah barunya yang indah ini. Kepada semua pihak yang telah bekerja bersungguh-sungguh menjayakan projek ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya percaya semua ahli PUSPANITA mengalu-alukan rumah baru PUSPANITA ini, yang juga melambangkan satu lagi tahap kemajuan PUSPANITA.

3. Sesungguhnya PUSPANITA sebagai sebuah Persatuan yang berusia 10 tahun telah berjaya memantapkan kedudukannya dengan adanya gabungan tenaga suri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam. Gandingan tenaga wanita telah membantu meletakkan PUSPANITA di tahap yang amat baik sebagaimana yang dinikmati sekarang.

4. Pembukaan rumah baru PUSPANITA ini adalah satu lagi kemajuan bagi meningkatkan kemampuan kepimpinan PUSPANITA. PUSPANITA mestilah mempunyai pemimpin-pemimpin dan pentadbir-pentadbir yang mahir dalam bidang pengurusan pembangunan dan bidang pengurusan kewangan yang sempurna. Untuk menjalankan tanggungjawab ini dengan baik, mereka perlu meningkatkan pengetahuan dalam berbagai-bagai aspek pengurusan yang berkaitan. Adalah menjadi harapan saya PUSPANITA akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dari sekarang bagi menjamin pengurusan rumah baru PUSPANITA ini berjalan dengan baik.

5. Saya juga difahamkan bahawa pembukaan rumah baru PUSPANITA ini dibuat sempena sambutan ulangtahun PUSPANITA yang ke-10. Sesuai dengan peristiwa yang penting ini, ia memberi peluang kepada PUSPANITA untuk merenung peranan dan pencapaiannya setakat ini dan langkah-langkah yang perlu dibuat pada masa hadapan.

6. Dalam suasana pembangunan negara kita yang begitu pesat, peranan wanita, sebagai pekerja yang bersama menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, menjadi semakin meluas. Malahan boleh dikatakan pada masa ini sumbangan tenaga kerja wanita di bidang-bidang yang tertentu adalah lebih besar daripada sumbangan tenaga kerja kaum lelaki.

7. Kaum wanita seharusnya berasa bangga tetapi perasaan bangga ini tidak sepatutnya berlandaskan kepada 'gender chauvinism' tetapi sebaliknya hendaklah berlandaskan kepada tekad untuk berjasa dan menyumbang ke arah kemajuan dan

kemakmuran negara. Pekerja wanita perlulah menghadapi cabaran-cabaran dalam kerja dengan azam untuk memperbaiki lagi diri dan kerjaya, dan untuk menjadi ahli asukan yang mampu menggerakkan perubahan, baik daripada segi produktiviti mahu pun keberkesanan kerja, ataupun daripada segi perubahan pemikiran anggota-anggota pekerja yang lain.

8. Sebagai ahli PUSPANITA yang terdiri daripada kakitangan wanita dalam Kerajaan, kita perlu tingkatkan azam untuk memberi perkhidmatan yang optima bagi membantu jentera Kerajaan melaksana dan menjayakan dasar, program dan projek ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara dalam jangka panjang. Negara kita sedang menuju ke arah satu wawasan jangka panjang selama tiga dekad untuk mencapai matlamat sebagai negara industri yang maju dalam acuan Malaysia sendiri. Ahli-ahli PUSPANITA perlulah menghayati matlamat ini dalam mengendalikan tugas dan peranan masing-masing untuk menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2020 dengan berkesan.

9. Bagi ahli-ahli PUSPANITA yang terdiri daripada isteri kakitangan Kerajaan, peranan mereka untuk menjayakan Wawasan 2020 juga tidak kurang pentingnya. Sokongan dan galakan yang diberi kepada suami adalah penting bagi membolehkan suami memberi masa dan tumpuan yang optima kepada tugas di pejabat. Malahan peranan kita sebagai isteri, ibu dan 'homemaker', sama ada kita bekerja di pejabat atau bekerja sepenuh masa di rumah, tidak boleh sekali-kali diabaikan. Wawasan yang kita tuju tidak akan bermakna, jika pendidikan anak-anak kita yang akan mewarisi kemajuan yang dicapai dan untuk menerus dan mempertingkatkan kemajuan, tergendai disebabkan kurangnya kemampuan kita menggunakan masa bersama suami untuk menguruskan rumah tangga dengan sempurna.

10. Sebenarnya peranan seseorang ibu itu dalam membentuk pemikiran dan nilai yang baik dalam diri anak-anak kita adalah faktor yang terbesar dalam membendung gejala negative serta rintangan yang boleh menghalang kemajuan negara. Masalah-masalah sosial yang kita hadapi ekoran daripada ketidakupayaan individu atau unit keluarga tertentu sekarang ini seperti penagihan dadah, keciciran persekolahan anak-anak, penderaan anak-anak, pembuangan masa oleh remaja, pembuangan bayi yang baru lahir, tidak boleh diatasi dengan semata-mata memberi khidmat kaunseling, rawatan dan pemulihan kepada mereka yang sudah terjebak ke dalam kerumitan masalah itu sahaja. Ianya patut dibendung dengan berkesan lagi melalui perubahan pemikiran, sikap dan nilai anak-anak kita yang masih muda lagi.

11. Begitu juga masalah-masalah sosio-ekonomi seperti perbelanjaan dan pembaziran wang dalam rumah tangga, perasaan tidak endah pada kerja atau malu dengan sesuatu pekerjaan yang 'menial' boleh dibendung dengan menyemaikan sikap sayang kepada wang yang diperolehi daripada titik peluh sendiri dan sikap bangga kepada pekerjaan yang menggunakan kemampuan dan kemahiran sendiri semasa anak-anak kita masih kecil lagi. Seorang ibu yang dapat menguruskan perbelanjaan rumahtangga dengan bijak dan seorang ibu yang bekerja dengan rajin di pejabat dan di rumah sudah tentu dapat menunjuk dan menyemaikan sikap dan

pemikiran yang baik di kalangan anak-anaknya ke arah ini. Ini bukan sahaja menguntungkan unit keluarga malahan akan menyumbang ke arah usaha membendung inflasi dan pengangguran dalam negara.

12. PUSPANITA boleh memainkan peranan dengan mengatur program-program yang sesuai ke arah meningkatkan kesedaran ahli-ahli agar sama-sama berusaha ke arah menjayakan wawasan negara. Sehubungan dengan itu PUSPANITA haruslah berusaha bagi menjalinkan dengan lebih erat lagi hubungan antara ahli-ahli di samping bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain seperti PERKEP, PETRONITA dan PELITAWANIS demi kemajuan pertubuhan masing-masing.

13. Saya berharap PUSPANITA akan terus berusaha untuk menjayakan segala program yang telah dirancang. Seterusnya, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada PUSPANITA dan ahli-ahlinya.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan rumah baru PUSPANITA.